

MAKLUMAT MEDIA

Program Jalinan Mesra Perdana

Nelayan Dan Penternak Akuakultur #myDOF 2018

Kompleks Pendaratan Ikan Tok Bali, Kelantan (28 Februari 2018)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) BERTEMU DENGAN 160,000 NELAYAN DAN PENTERNAK IKAN SERENTAK DI 24 LOKASI DI SELURUH MALAYSIA

1. Pada hari ini, 28 Februari 2018, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengadakan Program Jalinan Mesra Perdana Nelayan & Penternak Akuakultur secara **SERENTAK** di seluruh negara, melibatkan **24 lokasi di 13 buah negeri dan 11 daerah di Malaysia**.
2. Merupakan hasrat utama DOF untuk bertemu dengan lebih **160,000 nelayan dan penternak ikan di seluruh negara** secara terus dan menyelusuri denyut nadi kumpulan sasar serta memberi penerangan sekali gus menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh mereka.
3. DOF merupakan Jabatan yang **paling hampir** dengan nelayan dan penternak ikan, di mana peranan pegawai Jabatan amat penting untuk **mendengar segala permasalahan** mereka bukan sahaja dengan telinga, tetapi juga dengan hati, iaitu “to hear the unheard”.
4. Program ini amat berkesan untuk **membina kepercayaan** dan mencorak persepsi masyarakat terhadap dasar-dasar dan program yang dilaksanakan bagi **kepentingan sumber serta kebajikan kumpulan sasar**.
5. DOF menggalas cabaran menguruskan sumber perikanan yang semakin kompleks. Industri perikanan yang terdiri daripada Perikanan Tangkapan dan Akuakultur, dijangka mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 6.1% dengan **permintaan ikan sebanyak 3.02 juta tan metrik pada tahun 2020**.

6. Sistem Pengurusan Perikanan (**Fisheries Management Plan - FMP**) dilaksanakan bagi mengurus sumber perikanan dengan lebih tersusun dan teratur. FMP ini merupakan "**tools**" untuk menjawab dan menyelesaikan **isu-isu** berbangkit seperti ketirisan ikan dan pengurangan stok ikan di laut. Dengan pematuhan terhadap FMP ini, Malaysia mampu menguruskan perikanan dengan baik, membangunkan stok ikan di perairan Malaysia dan menjamin kemampanan ikan untuk generasi akan datang.
7. DOF juga memberi penekanan terhadap program pengurusan sumber yang lebih mesra bersama kumpulan sasar melalui konsep **#myKomuniti Perikanan (#myKP)**.
8. Bagi negeri **Kelantan**, trend pendaratan ikan adalah meningkat dari **62,000 tan metrik (2014) kepada 220,000 tan metrik (2016)** dan menyumbang kepada **pengurangan 25% import ikan** di Malaysia seterusnya dapat mengurangkan defisit imbalan dagangan (BOT) negara dan kestabilan mata wang Malaysia.
9. Kelantan mempunyai seramai 4,000 nelayan tempatan dengan 2,200 buah bilangan bot menangkap ikan yang berlesen dan merupakan negeri yang mempunyai bilangan vesel laut dalam tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. (347 buah) yang mendaratkan hampir 150,000 tan metrik (40%) ikan laut dalam di Malaysia.
10. Kelantan juga berpotensi di dalam pengeluaran akuakultur. Lebih **4,000 tan metrik ikan** pelbagai spesis ternakan seperti kerapu hybrid, siakap, keli, tilapia, patin telah dihasilkan bernilai RM30 juta melibatkan 1,000 penternak di kawasan seluas 280 ha.
11. Pembangunan industri perikanan tangkapan tidak lekang dengan **isu dan cabaran** yang dihadapi terutamanya dalam meningkatkan pendaratan ikan dalam negara. Isu yang dihadapi adalah mengenai ketirisan sumber perikanan, pendaratan hasil tangkapan di luar negara, pemindahan ikan di

tengah laut dan juga pencerobohan vesel dari luar negara untuk mengambil sumber perikanan negara.

12. DOF amat memandang serius perkara ini dengan mengambil **tindakan segera** melalui :
 - a. Perolehan permit dan lesen serta Dasar Pelesenan
 - b. Memasang CCTV dan penggunaan Pas Keluar Masuk Vesel Laut Dalam di Pangkalan Pendaratan Ikan (SPVC2)
 - c. Pasukan Tindakan Khas 'flying squad' Pelesenan dan Naziran Pelesenan
 - d. Program Pemutihan Lesen Laut Dalam C2
13. Bagi menjamin **kelestarian sumber ikan, tanpa mengeneipkan kebajikan nelayan kecil dan pembangunan nelayan komersial,** DOF terus memperkasa Pelan Strategik Jabatan bagi mengambilkira kepentingan ketiga-tiga elemen tersebut.
14. Kerajaan Persekutuan menyediakan **prasarana dan infrastruktur** yang memberi manfaat kepada pembangunan industri perikanan di Tok Bali khususnya dan Kelantan amnya melalui pembinaan keretapi laju pantai timur (ECRL) dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), yang mana Tok Bali merupakan *exit point* kepada kedua-dua projek tersebut. Di samping itu, pembinaan tapak kilang pemprosesan dan prasarana asas industri IAT di Tok Bali di bawah seliaan ECER dan LKIM juga dijangka akan menyumbangkan kepada pendaratan ikan di negeri Kelantan ini.
15. Potensi yang melibatkan kemampuan pendaratan ikan dan kapasiti infrastruktur yang terdapat di sini dilihat mampu menjadikan **Tok Bali sebagai hub perikanan laut dalam di Pantai Timur.**
16. Pihak Kerajaan mencadangkan penambahan kilang ais dan bilik sejuk bagi **menampung isu kekurangan bekalan ikan** semasa musim tengkujuh dan semasa ikan bergerak ke kawasan lain di perairan serantau. Di samping itu, model perniagaan melalui Persatuan Nelayan yang mengambilkira keperluan

infrastruktur di seluruh rangkaian nilai dari ikan mula didaratkan sehingga sampai ke pengguna perlu diperkukuhkan.

17. Kerajaan telah menyediakan pelbagai **kemudahan dan bantuan** kepada nelayan seperti jeti pendaratan, subsidi minyak, insentif pendaratan ikan dan elaun sara hidup kepada nelayan.
18. Kerjasama semua pengusaha perikanan adalah amat diperlukan dalam memajukan pembangunan industri perikanan laut dalam negara khususnya di negeri Kelantan dan juga perairan Pantai Timur Semenanjung .

#####

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Tel : 012- 356 9344 (Yazeereen)

013- 631 7313 (Mohd Sharir)

Emel : pro@dof.gov.my / ukk@dof.gov.my

26 Februari 2018